

18/05/2001

Banyak tempat menarik di Labuan untuk dilawati

Kamal Ahmad

SEBAGAIMANA keyakinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa Labuan akan menjadi pintu masuk terbaru bagi kegiatan Kawasan Pertumbuhan Asia Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA), pulau itu sebenarnya memiliki beberapa kekuatan untuk menggapai matlamat berkenaan.

Labuan dilihat sangat berpotensi dalam sektor pelancongan berasaskan sejarah, pantai dan laut, serta alam semulajadinya termasuk ikan selain asas pembinaannya sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) dan pelabuhan bebas cukai.

Untuk mengira jumlah pusat pelancongan dan jenis produk pelancongan yang ditawarkan, tidak mencukupi dengan menunjukkan 10 jari. Bagi kaki pancing yang bakal menyertai Joran-Labuan International Fishing Challenge 2001 pada 29 Mei hingga 3 Jun ini, kesempatan boleh diambil untuk menikmati keindahan alam tropika pulau itu.

Antara yang anda perlu tahu dan lawati ialah Taman Burung di Tanjung Kubong, Taman Damai dan Tempat Penyerahan Jepun (Layang-Layangan), Kampus Antarabangsa Universiti Malaysia Sabah (Kiamsam), Taman Laut Labuan (Pulau Rusukan Kecil, Rusukan Besar dan Kuraman), Kampung Air (Kampung Bebuloh dan Patau-Patau), Dataran Labuan (di pusat bandar Labuan), Kompleks Taman Kewangan, Perkuburan Perang Dunia Kedua Labuan (Jalan Tanjung Batu), Masjid Jamek Negeri An'Nur, Lapangan Terbang Labuan, Chimney (Menara Serombong di Tanjung Kubong) dan Terowong Tanjung Kubong.

Anda juga wajar menikmati panorama laut, pantai dan matahari di Layang-Layangan, Pantai Manikar, Pohon Batu, Tanjung Rhu, malah di serata pantai pulau itu.

Terdapat beberapa pulau kecil di sekitar Labuan seperti Daat, Papan, Burung, Kuraman, Rusukan Kecil dan Rusukan Besar. Perairan itu sesuai untuk kegiatan seperti selaman eko, snorkeling dan skuba bagi melihat belantara batu karang di dasarnya.

Kepada yang gemar kegiatan kembara di dasar laut, di Labuan terdapat beberapa kapal karam yang boleh diteroka seperti Kapal Tung Hwang (Cement Wreck), Mabini Parde (Blue Water Wreck), SS De Klerk (Australian Wreck) dan USS Salute (American Wreck).

Kapal karam itu adalah antara muzium bernyawa bawah laut di Labuan yang menyajikan belantara rumpai laut, batu karang dan ikan paling berwarna-warni malah fotogenik di dunia.

Taman Burung Labuan dekat Tanjung Kubong pula dihuni antaranya burung kepulauan Borneo selain kakaktua, tiong, helang, tekukur, merpati, murai, kuang, spesies itik dan pucung.

Labuan seluas 92 kilometer persegi dihuni lebih 75,000 penduduk. Perairannya yang dipenuhi batu karang membolehkan pulau itu menawarkan pakej percutian tropika yang sangat memuaskan termasuk memancing. Dengan tugu ikan marlin biru di depan Lapangan Terbang Labuan, ia menggambarkan pulau itu kaya dengan pelbagai spesies ikan bersaiz X, XL malah XXL iaitu melebihi 15 kilogram seperti marlin hitam, layaran, jerung, jemuduk, tuna sirip kuning, belitung dan kertang.

Pastikan anda memiliki naskhah 'Labuan Tourist And Business Guide' bagi mendapat maklumat lebih terperinci mengenai Pulau Mutiara Laut China Selatan itu selain menghubungi 087-417862 atau laman web www.labuan-malaysia.com.my.

(END)